

**PM lancar CIF, umum dana tambahan PKS RM500 juta
Utusan Online
11 Mei, 2012**

SHAH ALAM 10 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan Skim Pengkomersialan Inovatif Patuh Syariah (CIF) bernilai RM500 juta kepada para usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang layak di seluruh negara.

Peruntukan RM500 juta itu merupakan tambahan kepada skim pembiayaan PKS patuh syariah bernilai RM2 bilion yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Bachok, Kelantan pada 24 April lalu.

Perdana Menteri berkata, permohonan peruntukan tambahan ditawarkan kepada usahawan PKS yang menghasilkan produk atau perkhidmatan berinovasi dan berada di peringkat pengkomersialan itu boleh dilakukan mulai 1 Julai ini.

Menurut beliau, selain CIF, usahawan PKS yang terjejas akibat banjir, ribut, kemarau, hakisan pantai dan tanah runtuh boleh memohon untuk mendapatkan bantuan kewangan yang diperuntukkan di bawah Dana Kecemasan PKS bernilai RM10 juta.

"Peruntukan dan dana ini menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap usahawan PKS di negara ini," kata beliau semasa berucap merasmikan Himpunan Usahawan Mikro Kecil dan Sederhana atau Jom Niaga Edisi Selangor dan Pelancaran CIF di sini hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0511&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm